

**Menelusuri Novel Berunsur Sejarah Nama Beta Sultan Alauddin:
Pembinaan Karakter Seimbang berdasarkan Falsafah Pendidikan
Kebangsaan**

***Searching a Historical Novel Nama Beta Sultan Alauddin: Building a
Balanced Character based on The Philosophy of National Education***

Mohd Haniff Mohammad Yusoff¹, Rohaya Md Ali², Phat a/l Awang Deng³

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
30 SEPT 2020	10 JUN 2021	30 JUN 2021

ABSTRAK

Revolusi Industri 4.0 yang menerjah dunia menawarkan norma baharu dalam kehidupan dengan pengaplikasian teknologi secara menyeluruh. Situasi ini pastinya memberi impak dalam menyantuni belia yang lebih gemar berdampingan dengan gajet sehingga mengabaikan adab serta kesusilaan sesama manusia. Oleh demikian sastera masih berperanan sebagai medium dalam memanusiaikan manusia. Kajian ini merupakan penelitian terhadap Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang diterapkan dalam novel kajian iaitu sebuah novel berunsur sejarah, Nama Beta Sultan Alauddin karya Faisal Tehrani. Seterusnya, penyelidik menganalisis kandungan novel berunsur sejarah Nama Beta Sultan Alauddin karya Faisal Tehrani yang bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Novel berunsur sejarah Nama Beta Sultan Alauddin merupakan karya yang menyingkap ceritera kehidupan salah seorang waris pemerintah zaman Kesultanan Melayu Melaka yang begitu dikagumi sedari kecil sehingga kewafatan baginda. Novel ini dipilih sebagai data kajian kerana menawarkan kriteria-kriteria yang positif dalam pembinaan karakter seorang insan. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif di mana analisis kandungan dilaksanakan berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selanjutnya dapatan kajian dihuraikan secara deskriptif. Hasil dapatan menemukan pengarang iaitu Faisal Tehrani secara tidak langsung menerapkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam novel Nama Beta Sultan Alauddin. Selain mengangkat sejarah bangsa, novel Nama Beta Sultan Alauddin turut memperincikan watak dan perwatakan yang ideal dalam membangunkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek.

Kata kunci: *Novel berunsur sejarah, kesusasteraan Melayu, pembinaan karakter, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, modal insan.*

ABSTRACT

The Industrial Revolution 4.0 that explored the world offered new norms in life with the full application of technology. This situation certainly has an impact on the youths who prefer to be on the sidelines with their gadgets and neglect their manners and civility. Thus, literature still plays a role in humanize the human. This study is a study of the National Philosophy of

¹ Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Mahasiswa Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, haniffyusoff25@gmail.com

² Rohaya Md Ali, Ph.D., Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, aya@uum.edu.my

³ Phat a/l Awang Deng, Ph.D., Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, phat@uum.edu.my

Education which was adopted in the study novel, a historical novel, Nama Beta Sultan Alauddin by Faisal Tehrani. Next, the researchers analyzed the content of the historical novel, Nama Beta Sultan Alauddin by Faisal Tehrani with the National Philosophy of Education. The historical novel, Nama Beta Sultan Alauddin is the work that uncovers the story of the life of one of the beneficiaries of the Malacca Sultanate era that is so admired from childhood until his death. This novel was chosen as the research data because it offers positive criteria in the construction of human's character. This study is a qualitative study which is content analysis is conducted in accordance with the National Philosophy of Education. The findings of the study are described in detail. The findings reveal that the author Faisal Tehrani indirectly adopted the National Philosophy of Education in the historical novel, Nama Beta Beta Alauddin. Besides lifting the history of nation, the historical novel, Nama Beta Sultan Alauddin also details his ideal character and develop a balanced human terms physical, emotional, spiritual and intellectual.

Keywords: *Historical novels, Malay literature, character construction, National Philosophy of Education, human capital.*

Pengenalan

Marcapada, Revolusi Industri 4.0 mengambil alih dalam memacu dunia menggantikan Revolusi Industri 3.0. Gagasan ini menjadi penggerak atau pemangkin terhadap masyarakat dunia dan setiap negara untuk meneroka bidang perindustrian. Siti Nurhidayah Ismail (2019) menjelaskan ledakan Revolusi Industri 4.0 memberi peluang kepada masyarakat untuk terlibat dalam pelbagai lapangan bidang dengan hanya mengakses di hujung jari sahaja. Selain itu, Revolusi Industri 4.0 ini bukan sahaja mengaplikasi teknologi, sebaliknya turut menjadi daya penggerak kepada cara masyarakat dunia berfikir agar lebih berpandangan jauh. Walau bagaimanapun kesusasteraan tetap diperlukan dalam mengimbangi tuntutan teknologi serta kemanusiaan dan keinsanan dalam diri setiap individu. Pengemudian teknologi tanpa batasan mampu mengundang malapetaka dalam kalangan masyarakat jika tidak dibendung. Nor Fazilah Noor Din dan Hishamudin Isam (2018) beranggapan di sebalik kehebatan dunia internet tanpa sempadan ini, masyarakat sebenarnya terpaksa berhadapan dengan cabaran media sosial yang telah menjadi medan utama dan paling mudah dalam mempengaruhi pemikiran dan tindak tanduk seseorang, lebih-lebih lagi golongan remaja. Sehubungan itu, kesusasteraan tidak wajar dipinggirkan kerana kesusasteraan masih relevan serta berperanan dalam melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada zaman Revolusi Industri 4.0 ini.

Kesusasteraan ditakrifkan sebagai karya bersifat imaginatif yang tampil dalam bentuk prosa, puisi dan drama, sama ada berbentuk sastera bertulis ataupun berbentuk lisan. Pada awalnya, kesusasteraan mencakupi karya sastera dan bukan sastera, tetapi kini cakupannya lebih meluas kerana kesusasteraan juga merujuk kepada pelbagai bentuk karya seperti undang-undang, falsafah, sejarah, roman, kitab, adab dan sebagainya (*Kamus Kesusasteraan*, 2015). Kesusasteraan merupakan wadah dalam membentuk keperibadian belia yang unggul serta memasakkan pegangan jati diri yang utuh. Karya-karya sastera menjadi medan penyampaian wacana yang ideal dalam memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pembaca. Sewajarnya, seseorang pengarang bertanggungjawab terhadap hasil penulisan mereka dalam usaha membijakkan pembaca serta melahirkan masyarakat yang seimbang dari segala aspek.

Gabungan dua disiplin yang berbeza iaitu sastera dan sejarah dalam karya kesusasteraan Melayu memungkinkan sebuah karya yang idealistik dalam menyampaikan nilai-nilai murni

kepada pembaca. Melalui konteks karya sastera berunsur sejarah, pembaca secara tidak langsung menemukan susur galur sesebuah bangsa dan negara. Mohamad Rodzi Abd Razak (2009) menyifatkan kecaknaan terhadap sejarah secara tidak langsung membolehkan seseorang menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang warganegara sebaiknya. Kesusasteraan Melayu melalui novel berunsur sejarah dapat mengemukakan pendedahan kepada khalayak pembaca tentang peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dalam kronologi sejarah peradaban bangsa. Peristiwa-peristiwa sejarah yang dikisahkan semula bukan sekadar merekodkan peristiwa penting, sebaliknya turut menyisipkan pelajaran. M. Kaviza (2019) bertanggung sumber-sumber sejarah dapat diaplikasikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sebagai suatu inovasi dalam strategi pengajaran dan pembelajaran sedia ada.

Menyorot perkembangan novel berunsur sejarah di Tanah Melayu, perkembangannya ditandai sekitar 1930-an apabila novel-novel yang dihasilkan mula dihasilkan dengan unsur-unsur didaktik (S. Othman Kelantan dan Abdullah Tahir, 2003). Antara novel-novel yang berunsur sejarah tempatan ialah *Keris Melaka* (1939), *Korban Keris Melaka* (1939), *Panah Beracun* (1941), *Dosaku* (1950), *Tak Melayu Hilang di Dunia* (1950), *Panglima Awang* (1958), *Anak Panglima Awang* (1961), *Tun Mandak* (1963), *Wan Darus* (1966) dan *Sultan Mahmud Shah Melaka I & II* (1967). Menerusi penelitian ini, novel berjudul *Nama Beta Sultan Alauddin* karya Faisal Tehrani dijadikan sebagai bahan penelitian. Novel ini mengangkat ketokohan salah seorang pemerintah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka yang begitu dikagumi akan keintelektualan dan kredibilitinya sebagai seorang pemerintah kerajaan Melaka. Novel ini merupakan kisah riwayat baginda daripada zaman kanak-kanak sehinggalah kewafatan baginda. Sedari kecil baginda merupakan seorang kanak-kanak yang suka belajar tentang kehidupan, malah tidak meletakkan statusnya berdarah diraja sebagai batasan untuk menyantuni rakyat jelata. Sultan Alauddin yang ditabalkan menjadi pemerintah Melaka pada usia yang muda telah mentadbir Melaka dengan begitu baik sekali termasuklah menyamar pada malam hari untuk menangkap pencuri. Kedudukannya sebagai pemerintah rupa-rupanya dicemburui kaum kerabat dan akhirnya Sultan Alauddin mangkat setelah diracuni.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Setelah negara mencapai kemerdekaan dan melewati zaman pascakolonial, pelbagai idea diransang dan direncana bagi membentuk sebuah negara yang stabil dalam segala aspek termasuk pembangunan modal insan. Oleh yang demikian, pendidikan merupakan elemen yang tidak dikesampingkan dalam membangunkan negara dengan acuan yang tersendiri. Shahril @ Charil Marzuki (2005) mengutarakan pendapat bahawa pendidikan begitu signifikan untuk melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, masyarakat yang celik huruf serta berpengetahuan dalam teknologi maklumat dan melahirkan pekerja yang berpengetahuan dalam memenuhi aspirasi Wawasan 2020.

Seterusnya, bagi memastikan sistem pendidikan di Malaysia lebih tersusun dalam melahirkan modal insan yang seimbang, Falsafah Pendidikan Negara (kini dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan) digubal dengan terperinci bercitra Malaysia. Abdul Fatah Hasan (2007) memperinci bahawa falsafah pendidikan di Malaysia adalah berasaskan ideologi negara yang merangkumi Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Tujuan pendidikan di Malaysia berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah seperti yang berikut;

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi

intelekt, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

(*Mengenal Falsafah Pendidikan: 144 & 145*)

Objektif

1. Mengenal pasti unsur-unsur Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam novel berunsur sejarah *Nama Beta Sultan Alauddin* karya Faisal Tehrani.
2. Menganalisis kandungan novel berunsur sejarah *Nama Beta Sultan Alauddin* karya Faisal Tehrani yang berketepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Sorotan Literatur: Penelitian Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Karya Kesusasteraan Melayu

Menyorot kajian-kajian yang pernah dilaksanakan sebelum ini, para pengkaji tidak terlepas daripada menilai kandungan naskhah-naskhah sastera berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hal ini dilihat Falsafah Pendidikan Kebangsaan berperanan sebagai penanda aras dalam melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kajian-kajian yang dikelompok dalam kategori ini ialah kajian-kajian yang dijalankan oleh Ani Omar (2015), kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) serta kajian oleh Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Madiawati Mamat@Mustaffa (2019).

Ani Omar (2015) membincangkan kepentingan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam penghasilan karya-karya sastera. Artikel ini secara keseluruhannya merupakan perbincangan idea penulis dalam mengemukakan aspek intelek, emosi dan rohani dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai garis panduan dalam penulisan sastera remaja.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) tampil dengan kajian yang menganalisis cerita-cerita rakyat yang diperoleh daripada teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang diselenggara oleh Aripin Said dan Othman Puteh. Kajian ini cuba mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni yang terkandung dalam teks kajian. Hasil dapatan daripada analisis kandungan yang dijalankan, pengkaji merumuskan bahawa cerita-cerita rakyat yang dianalisis mempunyai muatan nilai-nilai murni yang mampu membentuk perwatakan murni dalam kalangan masyarakat.

Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Madiawati Mamat@Mustaffa (2019) pula meneliti novel *Bahlut* karya Faisal tehрани yang berkisah tentang watak remaja dalam kalangan orang asli. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif yang menerapkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai panduan untuk menganalisis kandungan teks. Hasil dapatan kajian menunjukkan novel *Bahlut* mempamerkan nilai-nilai murni seiring yang dianjurkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pengkaji merumuskan watak protagonis iaitu *Bahlut* menerusi novel ini mempunyai perwatakan yang harus diteladani oleh remaja masa kini.

Jelasnya, pengkaji-pengkaji sebelum ini tidak terlepas dalam membincangkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam karya-karya kesusasteraan. Nyatanya, unsur-unsur Falsafah

Pendidikan Kebangsaan turut disisipkan oleh pengarang dalam menyampaikan pemikiran atau wacana menerusi karya-karya kesusasteraan. Walau bagaimanapun, belum terdapat kajian yang meneliti Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam novel berunsur sejarah. Selain itu, persoalan seperti adakah muatan sejarah yang hadir dalam karya sastera turut digembleng bersama Falsafah Pendidikan Kebangsaan cuba dirungkaikan. Sehubungan itu, menerusi penelitian ini, pengkaji memilih novel berunsur sejarah yang berjudul *Nama Beta Sultan Alauddin* karya Faisal Tehrani sebagai data kajian untuk dianalisis.

Metodologi Kajian

Penyelidik terlebih dahulu telah menjalankan tinjauan kosa ilmu terhadap kajian-kajian lampau yang menghubungkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam penerokaan karya-karya kesusasteraan Melayu. Penyelidik mendapati kajian-kajian lampau tidak terlepas dalam mengaitkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan karya-karya kesusasteraan Melayu. Selain itu, Ani Omar (2015) secara tidak langsung mengemukakan pandangan dengan menjadikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai panduan dalam penghasilan karya kesusasteraan remaja. Jelasnya, pembentukan serta kelahiran belia yang unggul begitu dititikberatkan dalam kesusasteraan Melayu dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menawarkan acuan yang begitu bermakna.

Kajian ini menggembleng kaedah kualitatif dalam melaksanakan penelitian dengan menjurus kepada teks yang ditumpukan dalam penelitian ini iaitu novel berunsur sejarah *Nama Beta Sultan Alauddin*. Othman Lebar (2013) berpendapat penyelidikan kualitatif merupakan penyelidikan yang menghasilkan dapatan kajian bukan melalui prosedur statistik atau berbentuk pengiraan. Novel ini diulang baca bagi mengetahui alur penceritaan, mengenal pasti komponen struktur novel serta memahami pentafsiran pengarang yang cuba disampaikan melalui novel ini. Secara tuntasnya, novel ini mengisahkan riwayat kehidupan seorang pemerintah zaman Kesultanan Melayu Melaka suatu ketika dahulu iaitu Sultan Alauddin Riayat Syah sedari baginda berusia kanak-kanak sehingga kepada peristiwa yang menjurus kepada kewafatan baginda di Pagoh.

Selanjutnya, penyelidik mengenal pasti elemen jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang terkandung dalam naskhah ini berdasarkan kaedah analisis kandungan. Seterusnya penyelidik menghuraikan fragmen-fragmen petikan yang dikenal pasti berdasarkan ranah utama dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Analisis dan Perbincangan

i- Jasmani

Falsafah Pendidikan Kebangsaan tidak terlepas dalam memerihalkan proses pendidikan yang menyumbang kepada perkembangan jasmani para pelajar. Perkembangan jasmani yang dimaksudkan merangkumi kegiatan berorientasikan fizikal yang melibatkan otot-otot dan sendi. Elemen jasmani dalam pembinaan karakter sangat penting agar dapat melahirkan masyarakat yang bukan sahaja cerdas mindanya tetapi turut cergas fizikalnya. Muhammad Hilmi Jalil dan Fakhru Adabi Abdul Kadir (2013) memperinci salah satu aspek yang terlibat dalam memaknakan pembangunan insan adalah memastikan diri seseorang berada dalam keadaan yang sihat. Kesejahteraan yang dimiliki memungkinkan seseorang dapat membangunkan

dirinya sendiri dan seterusnya merealisasikan pembinaan karakter yang seimbang dalam diri seseorang.

Menerusi novel berunsur sejarah *Nama Beta Sultan Alauddin*, pengarang turut menyisip elemen jasmani dalam memotretkan perwatakan watak utama dalam novel ini. Watak utamanya digambarkan sebagai seorang yang memiliki kesejahteraan jasmani ataupun fizikal. Pengarang memperincikan watak utama iaitu Raja Husain (gelaran Sultan Alauddin ketika masih kecil) mempelajari seni mempertahankan diri yang secara tidak langsung mampu menjana pembangunan jasmani. Situasi yang dimaksudkan digambarkan dalam petikan di bawah;

Pada hari pertama, Raja Husain diajar menggunakan jari, buku lima, sisi tangan, siku, lutut, pinggul, kepala dan kaki. Inilah senjata paling asas dalam menyerang dan mempertahankan diri. Perlahan-lahan Raja Husain mempelajari bahawa genggam jari telunjuk dan hantu digunakan untuk menyerang mata, genggam empat jari dan penumbuk pula ialah untuk merosakkan ulu hati. Sisi tangan pula amat berguna untuk menyerang leher dan rusuk, sementara kelincihan menggunakan buku lima adalah untuk mencederakan sisi kepala. Baginda Raja Husain juga belajar menyerang rusuk dengan siku, menggunakan kepala lutut untuk menyenangkan perut selain menggunakan pinggul untuk menyerang kelangkang serta menghantukkan kepala pada muka lawan.

(hlm. 26)

Petikan di atas menggambarkan Raja Husain mempelajari cara bersilat daripada seorang lelaki tua yang telah menjaganya setelah baginda dijumpai dalam keadaan tidak sedarkan diri dan cedera angkara kakandanya tirinya sendiri yang begitu iri hati padanya. Pada hari ketujuh dalam jagaan lelaki tua itu, keadaan Raja Husain beransur pulih, lalu dipelawa oleh lelaki tua tersebut jika Raja Husain berminat untuk mempelajari silat. Raja Husain yang telah lama memendam hasrat untuk mempelajari silat tidak berlelah untuk menyatakan persetujuan untuk berguru. Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah (2018) mentakrifkan silat sebagai sesuatu kesenian yang memperlihatkan kepandaian serta ketangkasan dalam melawan serta mempertahankan diri. Oleh yang demikian, setiap pergerakan memerlukan ketangkasan pergerakan serta percaturan fikiran dalam menumpaskan lawan. Secara tidak langsung, pergerakan-pergerakan yang dipelajari dalam seni mempertahankan diri, khususnya silat dapat mempertingkatkan keupayaan jasmani atau fizikal seseorang. Sultan Alauddin dilukiskan oleh pengarang sebagai seorang pemerintah yang mempunyai karakter yang berkualiti apabila sedari kecil telah mula mempersiapkan diri dengan pembangunan jasmani dalam diri dengan mempelajari seni mempertahankan diri iaitu silat.

ii- Emosi

Unsur emosi memainkan peranan yang penting dalam penghasilan karya sastera. Kenyataan ini turut diperakui Norhayati Ab. Rahman (2015) dalam makalah tulisannya seperti berikut;

Antara unsur yang melandasi penciptaan karya kesusasteraan ialah unsur emosi yang membezakan karya sastera dengan karya bukan sastera. Emosi yang dimanifestasikan melalui watak dan perwatakan dalam sesebuah karya sastera, dapat dimanfaatkan ke arah memiliki tingkah laku yang terkawal dan

berperasaan tenang, memiliki dan memupuk perasaan kasih sayang, memiliki semangat kekitaan dan perpaduan, serta menghargai dan menilai keindahan.

(hlm. 138)

Jelasnyanya, emosi dapat memberi kesan dalam penceritaan, lantas menjadikan karya sastera tersebut menggugah rasa serta menghidupkan suasana penceritaan. Selain itu, unsur emosi yang ditonjolkan dapat mendidik pembaca untuk menghargai emosi masing-masing, bijak menangani emosi dan memanfaatkannya dengan perilaku yang tidak melanggar norma kehidupan. Dalam proses pembinaan karakter yang berkualiti, aspek emosi seharusnya diberikan perhatian yang sewajarnya agar sebarang keputusan dan tindakan tidak berlandaskan emosi semata-mata tetapi berpaksikan penimbangan kewarasan akal yang adil.

Elemen emosi juga mengunjur kepada perasaan seseorang. Nor Raudah Siren (2006) menjelaskan emosi sebagai perasaan-perasaan seperti kasih, riang, takut, marah, bimbang dan gelisah, yang berbeza daripada kognitif, kemahuan dan aspek-aspek pengalaman. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, perkembangan unsur emosi memberi tumpuan kepada perasaan jiwa yang sihat dan kuat, iaitu memperoleh perasaan tenaga dan tingkah laku yang terkawal, memiliki perasaan kasih sayang, memiliki semangat kekitaan yang muhibbah, kerjasama dan perpaduan serta mempunyai kemahiran menilai dan menghargai keindahan dan kesenian. Pengarang turut tidak terkecuali dalam menampilkan unsur emosi dalam novel kajian seperti petikan berikut;

Sultan menahan sebak. “Nasihatkanlah kita ayahanda bendahara.” Sultan Alauddin memaut lengan Tun Perak yang sudah tua. Uzur benar Tun Perak. Sultan Alauddin meraba dahi Datuk Bendahara Tun Perak. Panas sekali.

“Perhatikanlah tuanku Raja Merlang itu. Patik lihat rapatnya dia dengan temenggung. Musuh tuanku ramai, tak terkira di kiri dan kanan.”

(hlm. 100)

Sultan Alauddin menyerlahkan emosi dalam suasana yang begitu menyayat hati memandangkan bendahara, Tun Perak sedang gering. Walaupun dalam keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan, bendahara masih sempat menitip pesan kepada Sultan Alauddin agar lebih berhati-hati dengan manusia di sekelilingnya yang ternyata cuba untuk menjatuhkan pemerintahannya. Setelah itu, Sultan Alauddin sempat membantu bendahara mengambil wuduk dan mengerjakan solat fardu subuh bersama sebelum bendahara menghembuskan nafas terakhir di sisi Sultan Alauddin, lantas menyebabkan Sultan Alauddin begitu berdukacita. Berdasarkan peristiwa yang dipersembahkan, pengarang memperelok watak Sultan Alauddin sebagai figura yang mempunyai pertimbangan dari segi emosi, lalu emosi diterjemahkan dengan perlakuan Sultan Alauddin yang begitu sebak dengan kegeringan Tun Perak, malah Sultan Alauddin mengenyepikan statusnya sebagai seorang pemerintah dengan memaut lengan Tun Perak dan meraba dahi Tun Perak merasai kehangatan suhu badan Tun Perak.

iii- Rohani

Unsur rohani turut memainkan peranan yang penting dalam pembinaan karakter yang seimbang. Selaras dengan penerapan Rukun Negara dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, prinsip ‘kepercayaan kepada Tuhan’ diterjemahkan melalui unsur rohani. Unsur rohani memberi penekanan perihal kejiwaan dan kebatinan iaitu mempunyai perasaan atau kesedaran terhadap wujudnya Pencipta. Hakikatnya hubungan antara manusia dan Tuhan akan memacu

kehidupan yang lebih bermatlamat dan berlandaskan ajaran agama tanpa menyalahi larangan Tuhan yang mampu mendatangkan kemudharatan. Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi dan Mahfuzoh Mohammed Zabidi (2014) menyatakan dalam kesemua elemen yang mendukung Falsafah Pendidikan Kebangsaan, unsur rohani merupakan aspek yang paling utama dalam menentukan kemenjadian insan yang baik.

Pengarang tidak terlepas dalam mengungkapkan unsur rohani dalam hasil perkaryaan. Unsur rohani yang dikemukakan dapat menyalurkan nilai didaktik kepada pembaca dalam menyantuni perihal keagamaan. Hal ini Novel berunsur sejarah *Nama Beta Sultan Alauddin* menyerlahkan unsur rohani seperti dalam petikan berikut;

“Ketahui olehmu, hai anakku, bahawa yang dunia ini tiada akan kekal adanya...dan janganlah lagi khali engkau keluar dihadap orang, kerana segala hamba Allah banyak terserah kepadamu. Jikalau kesukaran baginya, hendaklah engkau tolong, jikalau teraniaya ia hendaklah engkau periksa baik-baik supaya di akhirat tiada diberatkan Allah ke atas lehermu, kerana sabda Nabi SAW: *kullukum rain wa kullukum masulun an raiyyatihi*, yakni segala kamu yang membela lagi ditanyai daripada kebelaan kamu...”

(hlm. 57)

Petikan di atas merupakan tamsil terhadap unsur rohani yang terdapat dalam naskhah ini. Sultan Mansur yang suatu ketika dalam keadaan keuzuran sempat memberi pesan kepada Raja Husain tentang kehidupan di dunia ini hanyalah sementara. Setelah itu, turut diingatkan tentang tanggungjawab sebagai pemerintah agar kebajikan rakyat jelata tidak terabai agar di akhirat nanti tidak dihukum atas kekhilafan yang dilakukan. Nasihat yang disampaikan oleh ayahandanya telah menjadi pedoman dalam kehidupan Raja Husain sehinggalah baginda dewasa dan ditabalkan sebagai seorang pemerintah dengan gelaran Sultan Alauddin, malah menjadi seorang pemerintah yang adil seperti yang dianjurkan dalam ajaran agama.

iv- Intelek

Tidak sah jika membicarakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan tanpa memperkatakan tentang unsur intelek. Perkembangan unsur intelek memberi tumpuan kepada ciri-ciri daya berfikir, seperti menguasai kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira), menguasai kemahiran untuk memperoleh, meningkat dan menyebarkan ilmu dan dapat berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) serta dapat memanfaatkan ilmu dan kemahiran untuk diri dan orang lain (Saharia Ismail, 2015). Jelasnya, unsur intelek yang dicanangkan tidak sekadar pembangunan sendiri semata-mata tetapi merintis kepada pembangunan intelektual masyarakat secara amnya. Abdullah Sani Yahya (2005) menegaskan melalui unsur intelek, pelajar diharapkan dapat menguasai ilmu yang diajarkan dan memanfaatkannya kepada masyarakat. Menelusuri novel kajian, pengarang turut mengungkapkan unsur intelek dalam diri seorang pemerintah sedari berusia kanak-kanak lagi yang berkepinginan menuntut ilmu. Perihal ini digambarkan dalam petikan berikut;

Pada mulanya memang sedikit sukar Raja Husain meyakinkan Nuh Ha Mim bahawa baginda memang benar-benar berniat dan mahu belajar tasawuf. Berulang alik Raja Husain ke Hujung Medini. Berulang kali Raja Husain meyakinkan Nuh Ha Mim bahawa baginda tidak mahu menjawat takhta menjadi sultan Melaka. Baginda tahu ada orang alim yang memang kurang gemar bergaul dengan pembesar-pembesar dan keturunan raja-raja.

(hlm. 35)

Petikan di atas secara jelasnya menggambarkan sifat Raja Husain yang bersungguh-sungguh untuk menuntut ilmu sehingga sanggup meminggirkan jawatan sebagai seorang sultan bagi negeri Melaka biarpun mewarisi susur galur keturunan diraja. Ketekunan Raja Husain dalam mengutamakan pembelajaran telah mencorak keperibadian Raja Husain sebagai seorang pemerintah yang berintelektual. Hal ini dapat dijelaskan melalui peristiwa pengangkatan pencuri pada waktu malam oleh Raja Husain ketika telah bergelar sultan Melaka dengan gelaran Sultan Alauddin. Peristiwa tersebut digambarkan seperti berikut;

Tanpa lengah, baginda Sultan Alauddin menyergah kelima-lima pencuri. Kerana terkejut besar dijerkah, lintang-pukang kelima-lima penjahat itu berlari terkincit arah ke Bukit Melaka.

“Hang Isap, tunggukan peti ini. Ayuh Hang Siak...kita kejar dan hambat penjahat-penjahat semua.” Titah Sultan Alauddin dengan beraninya.

(hlm. 66)

Setelah menaiki takhta, ternyata Sultan Alauddin begitu menitikberatkan kebajikan rakyatnya. Kes kecurian serta huru-hara yang berlaku dalam negeri begitu membimbangkan baginda sehingga baginda merencana bersama Hang Isap dan Hang Siak untuk meninjau kota pada waktu malam dengan mengenakan pakaian yang buruk. Rencana yang dilaksanakan ternyata berhasil apabila baginda sultan sendiri dapat menumpaskan pencuri ketika itu. Sesungguhnya, Sultan Alauddin menunjukkan teladan yang baik sebagai seorang pemimpin dalam menangani permasalahan yang meresahkan dalam kalangan rakyat jelata.

Kesimpulan

Penelitian sesebuah karya begitu signifikan bagi memahami masyarakat kerana karya sastera yang dihasilkan merupakan cerminan masyarakat. Asmiaty Amat (2018) berpendapat sesuatu yang menarik tentang penganalisisan karya sastera ialah pemahaman tentang kedudukan sesebuah karya dalam lingkungan masyarakatnya. Novel berunsur sejarah *Nama Beta Sultan Alauddin* menganjurkan ciri-ciri yang positif dalam pembinaan karakter yang ideal. Watak yang ditonjolkan menerusi novel ini menawarkan perwatakan serta sifat-sifat sendiri yang bernilai murni selaras dengan unsur-unsur yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Proses penghasilan dan penciptaan karya sastera seharusnya ditukangi dengan waspada agar tidak menyisih nilai-nilai keintelektualan, keindahan, kebahasaan serta wawasan yang mampu ditaakul dan dicerap oleh pembaca dalam melahirkan masyarakat yang harmonis dan berdaya saing. Secara tidak langsung, kesusasteraan khususnya menerusi novel berunsur sejarah menjadi wadah yang begitu signifikan dalam melahirkan serta membangunkan masyarakat yang berwibawa.

Rujukan

- Abdul Fatah Hasan. (2007). *Mengenal falsafah pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahya. (2005). *Mengurus sekolah*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Ahmad Fakhruddin Mohammed Zabidi & Mahfuzoh Mohammed Zabidi. (31 Mei-2 Jun 2014). Pedoman Al-Quran dan Al-Sunnah Terhadap Pedagogi Kerohanian dalam Pengajaran

- dan Pembelajaran di Universiti: Suatu Cadangan Awal. Dalam *International Conference and Exhibition on Islamic Education 2014*. Kota Bharu.
- Ani Omar. (2014). Pendidikan sastera di Malaysia dalam membina generasi unggul berasaskan Falsafah Pendidikan Negara. *Jurnal PENDETA*, 5(1), 1-22.
- Asmiaty Amat. (2018). *Menyingkap gelombang rasa dan citra Azmah Nordin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal Tehrani. (2016). *Nama beta Sultan Alauddin*. Bangi: DuBook Press Sdn. Bhd.
- Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat@Mustaffa. (2019). Model remaha orang asli yang unggul dalam Bahlut. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*, 1(1).
- Kamus Kesusasteraan*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Kaviza. (2019). Penggunaan sumber-sumber sejarah dalam mata pelajaran Sejarah: Pilihan murid? *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1), 30-38.
- Mohamad Rodzi Abd Razak. (2009). Pembinaan negara bangsa Malaysia: Peranan pendidikan sejarah dan dasar pendidikan kebangsaan. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 36, 90-106.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui cerita-cerita rakyat Melayu: Kajian teks *Himpunan 366 cerita rakyat Malaysia* diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal of Business and Social Development*, 5(2), 67-74.
- Muhammad Hilmi Jalil & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2013). Kepentingan kesihatan diri dalam pembangunan insan: Analisis karya falsafah Hamka. *Jurnal Hadhari*, 5(2), 69-84.
- Norhayati Ab. Rahman. (2015). Wajah sastera Malaysia seharusnya bagaimana? Dalam Mohamad Saleeh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor (pngr.), hlm. 135-148. *Sastera teras negara bangsa*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
- Nor Fazilah Noor Din & Hishamudin Isam. (2018). Merunut kajian media sosial dan pembangunan diri remaja: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 19(2), 50-67.
- Nor Raudah Siren. (2006). *Falsafah diri remaja dalam novel remaja Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- S. Othman Kelantan & Abdullah Tahir. (2003). *Sejarah kesusasteraan Melayu moden: Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saharia Ismail. (2015). Pembangunan insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*, 8(2), 83-99.
- Shahril @ Charil Marzuki (2005). Pelaburan dalam pendidikan adalah untuk pendidikan atau pendidikan untuk kerjaya. Dalam Sufean Hussin, Shahril @ Charil Marzuki, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Habib Md. Som & Alina Rane (Ed.), hlm. 196. *Pentadbiran dalam pembangunan pendidikan*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Siti Nurhidayah Ismail. (2019). Ledakan data raya dan dan Revolusi Industri 4.0. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 20(1), 111-119.
- Wan Mohd Dasuki Wan Abdullah. (2018). Meor Abdul Rahman: Konsep tempur seni Gayong dan inovasi silat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 29, 262-285.